

03 DEC 1998

Mahkamah-Anwar (Karpal)

AZIZAN DAN UMMI MINTA NASIHAT KARPAL

KUALA LUMPUR, 3 Dis (Bernama) -- Ummi Hafilda Ali dan Azizan Abu Bakar telah berjumpa dan meminta nasihat peguam Karpal Singh berhubung surat "Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri" yang dibuat oleh Ummi dan pengakuan bersumpah oleh Azizan.

Azizan, bekas pemandu isteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, memberitahu Mahkamah Tinggi hari ini bahawa pertemuan itu diadakan di pejabat Karpal di Lorong Pudu beberapa hari sebelum beliau dan Ummi ditangkap di rumah Dr Ristina Majid.

"Tujuan kami berjumpa dengan peguam Karpal Singh adalah untuk mendapatkan pandangan dari sudut perundangan kerana kami sentiasa diekori oleh orang-orang yang tidak kami kenali," katanya.

Beliau berkata, pada pertemuan itu, mereka telah memberitahu Karpal berkenaan surat "Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri" dan pengakuan bersumpah yang ditandatangani.

Selepas melihat kedua-dua dokumen itu, Karpal berkata, oleh kerana ianya dialamatkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, biarlah PM yang menyelesaikan masalah ini kerana PM tahu cara untuk menyelesaikannya.

Azizan, saksi ke-12 pada perbicaraan kes rasuah Anwar yang masuk hari ke-19, berkata demikian ketika disoal dalam pemeriksaan utama oleh Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail.

Anwar, 51, bekas timbalan Perdana Menteri dan bekas Menteri Kewangan, menghadapi empat pertuduhan menggunakan kedudukannya untuk campurtangan dalam penyiasatan polis berhubung dakwaan salah laku seks terhadapnya.

Beliau didakwa mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman maksimum penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Azizan juga memberitahu mahkamah bahawa selain untuk mendapatkan pandangan perundangan daripada Karpal, beliau tidak mengharap apa-apa lagi daripada peguam itu.

"Cuma yang kami inginkan ialah mendapat pembelaan yang adil sekiranya berlaku tindakan undang-undang ke atas kami," kata beliau.

Sebelum itu, Azizan berkata, beliau dan Ummi ditemani oleh Dr Ristina semasa pergi ke pejabat Karpal kerana mereka berasa takut apabila diekori oleh orang-orang yang tidak dikenali yang mungkin berkaitan dengan surat berkenaan.

Pada peringkat ini, peguam Gurbachan Singh membantah tetapi ditolak oleh Hakim Datuk S. Augustine Paul.

Gani: Azizan, mengapakah kamu mengatakan yang ada kemungkinan orang yang mengekori kamu berkaitan dengan surat-surat ini?

Azizan: Dari apa yang kami difahamkan bahawa surat yang kami tulis telah sampai ke tangan YAB PM dan saya tidak mengetahui sama ada surat tersebut telah tersebar.

Gani: Selain daripada diekori oleh orang-orang yang tidak dikenali, ada apa-apa lagi yang berlaku selepas surat-surat ini disediakan?

Azizan: Sebelum itu, saya juga ada menerima panggilan telefon daripada Anwar bagaimana saya boleh terlibat dalam pengakuan bersumpah dan surat Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri. Tertuduh amat memarahi saya. Pada setiap malam dan siang, rumah saya di Rawang sentiasa ada orang yang tidak dikenali memerhatikan.

Sekali lagi Gurbachan Singh membantah dan mahkamah sekali lagi menolak

bantahannya.

Gani: Sebab apa kamu berjumpa dengan peguam Karpal Singh?

Azizan: Seperti yang kita semua tahu, peguam Karpal Singh ialah peguam yang terbaik di bandaraya ini. Oleh sebab itu, kami pergi ke pejabatnya untuk mendapatkan pandangan dari sudut perundangan.

Jawapan Azizan ini telah disambut dengan senyuman dan ketawa oleh mereka yang berada dalam mahkamah termasuk Hakim Augustine Paul.

Kepada soalan lain, Azizan berkata ketika di pejabat peguam itu, beliau nampak Ummi menelefon rakannya supaya mengefaksikan surat Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri dan pengakuan bersumpah itu ke pejabat Karpal.

Gani: Pada hari kamu pergi ke pejabat Karpal Singh untuk berjumpa peguam itu, adakah kamu tahu beliau adalah seorang Anggota Parlimen?

Azizan: Saya tahu peguam Karpal Singh adalah seorang Anggota Parlimen.

Gani: Adakah kamu tahu YB Karpal Singh adalah dari parti mana?

Azizan: YB Karpal Singh adalah dari parti DAP.

-- BERNAMA

SBB AHH NMO